

PR1MA, CIDB kongsi maklumat penting teknologi pembinaan negara



Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - Oktober 22, 2024 @ 5:47pm
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mewujudkan Pusat Kecemerlangan (COE) bagi tujuan latihan serta perkongsian maklumat yang berperanan penting dalam pembangunan teknologi pembinaan di Malaysia.

PR1MA dalam kenyataan hari ini berkata, kerjasama turut membabitkan pelaksanaan program pembangunan kontraktor, yang akan merekod dan menilai keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek berteknologi tinggi, sekali gus meningkatkan lagi kredibiliti kontraktor dalam sektor pembinaan.

"Selain itu, PR1MA dan CIDB juga akan memperkenalkan program latihan kemahiran dan kompetensi membabitkan kontraktor serta kakitangan di bawah PR1MA dan CIDB.

"Kerjasama ini termasuk pertukaran kakitangan antara agensi dan program perintisan untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam sektor pembinaan," katanya.

Katanya, komitmen kerjasama ini dimeterai menerusi satu memorandum persefahaman (MoU), turut menggariskan kolaborasi strategik antara kedua-dua pihak bagi memperkuuhkan kualiti industri pembinaan dan pembangunan projek PR1MA.

MoU ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan PR1MA, Datuk Seri Mohd Nazri Shariff dan Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Sr Mohd Zaid Zakaria.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi pada Majlis CIDB QUEST Award bersempena International Construction Week (ICW) 2024 hari ini.

Katanya, MoU antara PR1MA dan CIDB ini membabitkan beberapa objektif termasuk penerapan teknologi pembinaan terkini seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan (QLASSIC) dengan syarat keperluan projek PR1MA bagi QLASSIC adalah sekurang-kurangnya 70 peratus dan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC).

"Sebagai sebahagian dari kerjasama ini, kedua-dua pihak juga akan memberi penekanan kepada aspek kemampuan pembinaan dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"PR1MA dan CIDB juga bersetuju bekerjasama dalam sebarang perkara berkaitan yang akan memberi manfaat kepada semua pihak terbabit," katanya.

Katanya, setakat bulan ini, PR1MA mempunyai 89 projek membabitkan 54,660 unit di seluruh Malaysia yang berada dalam pelbagai fasa pembangunan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 61 projek merangkumi 41,321 unit sudah berjaya disiapkan, manakala 28 projek bagi 13,339 unit masih dalam fasa pembinaan dan perancangan," katanya.

Sementara itu, Mohd Nazri berkata, MoU mencerminkan komitmen PR1MA dalam menyediakan kediaman mampu milik berkualiti tinggi dengan menerapkan teknologi pembinaan terkini serta mempertingkatkan keupayaan tenaga kerja PR1MA.

Katanya, menerusi kerjasama bersama CIDB, pihaknya berharap dapat meneruskan mandat untuk menyediakan kediaman berkualiti, selamat dan lestari untuk manfaat rakyat Malaysia.

"Kolaborasi ini juga akan dapat mempercepatkan pembangunan rumah mampu milik di seluruh negara, selari dengan usaha kerajaan untuk memastikan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki kediaman berkualiti.

"Dengan penggabungan inovasi teknologi dan program latihan khusus ini, PR1MA dan CIDB berupaya meningkatkan daya saing kontraktor tempatan, seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi negara selaras nilai teras Malaysia Madani, yang menekankan kesejahteraan rakyat, keadilan sosial dan kemampuan dalam pembangunan," katanya.